

PHARMANIAGA MEFENAMIC TABLET / CAPSULE

Mefenamic Acid (250mg,500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PHARMANIAGA MEFENAMIC
2. Bagaimana PHARMANIAGA MEFENAMIC berfungsi
3. Sebelum mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC
4. Cara menggunakan PHARMANIAGA MEFENAMIC
5. Semasa menggunakan PHARMANIAGA MEFENAMIC
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PHARMANIAGA MEFENAMIC
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan PHARMANIAGA MEFENAMIC
PHARMANIAGA MEFENAMIC mengandungi asid mefenamik. Ia digunakan untuk melegakan kesakitan sederhana termasuk sakit kepala, sakit gigi, kesakitan selepas pembedahan atau selepas bersalin dan sakit haid. Ia juga digunakan untuk sakit otot dan sakit tulang akibat artritis reumatoid dan osteoarthritis. Ia juga digunakan untuk merawat haid berlebihan.

Bagaimana PHARMANIAGA MEFENAMIC Berfungsi
PHARMANIAGA MEFENAMIC tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil non-steroid anti-inflammatory drugs (NSAID). Ubat-ubat ini mengurangkan keradangan dan kesakitan melalui penghalangan bahan kimia yang dipanggil prostaglandin yang terdapat dalam badan kita.

Sebelum Mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC

-Bila tidak harus mengambil

Jangan mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC jika:

- Anda alahan kepada asid mefenamik atau bahan-bahan lain dalam tablet atau kapsul ini.
- Anda mempunyai ulser perut atau pendarahan
- Anda pernah mengalami ulser perut atau pendarahan dua kali atau lebih pada masa lalu.
- Anda mengalami penyakit keradangan usus.
- Anda pernah ada alahan kepada aspirin atau ubat tahan sakit seperti ibuprofen atau NSAID lain.
- Anda ada asma atau keadaan alergi seperti ruam kulit atau resdung.
- Anda mempunyai penyakit buah pinggang, hati atau jantung yang serius.
- Anda hamil.
- Anda menyusukan bayi.

Jangan mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC jika mempunyai mana-mana keadaan di atas. Jika anda tidak pasti, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC.

-Sebelum mula mengambil

Doktor atau ahli farmasi anda perlu tahu sebelum anda mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC jika anda mempunyai keadaan berikut:

- Anda mempunyai ulser atau masalah lain yang menjejaskan perut anda, atau usus.
- Anda mempunyai asma atau serangan asma (atau jika mempunyai asma pada masa lalu).
- Anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang.

Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi jika:

- Anda mempunyai masalah jantung atau pernah mengalami strok sebelum ini atau berfikir bahawa anda mungkin mempunyai risiko mengalami masalah ini seperti tekanan darah tinggi, kencing manis, kolesterol tinggi atau perokok.
- Anda merancang untuk mengandung.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doctor atau ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

PHARMANIAGA MEFENAMIC boleh menjejaskan atau dipengaruhi jika diguna dengan ubat-ubat lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang guna ubat-ubatan seperti berikut:

- *Anticoagulants* (ubat yang digunakan untuk menipiskan darah untuk mengelakkan pembekuan darah).
- Tablet *anti-platelet* (untuk mengelakkan pembekuan darah).
- *Antihypertensives* (untuk rawatan tekanan darah tinggi).
- Ubat untuk kencing manis.
- Diuretik (untuk membuat anda membuang lebih banyak air).
- Ubat-ubatan untuk rawatan keadaan jantung (contohnya digoxin).
- Antibiotik *Quinolone* (untuk jangkitan).
- *Methotrexate* (boleh digunakan untuk merawat tumor tertentu dan penyakit lain termasuk psoriasis dan artritis reumatoid).
- *Ciclosporin* (digunakan untuk menyekat sistem imun badan, contohnya berikutan pemindahan organ atau penyakit seperti psoriasis dan artritis reumatoid).

PHARMANIAGA MEFENAMIC TABLET / CAPSULE

Mefenamic Acid (250mg,500mg)

- Kortikosteroid (digunakan untuk rawatan asma dan pelbagai keadaan radang, seperti beclomethasone).
- Ubat untuk kemurungan seperti lithium
- *Anticonvulsant* (untuk merawat dan mencegah jenis sawan tertentu) seperti phenytoin.

PHARMANIAGA MEFENAMIC ACID tidak patut diguna bersama dengan ubat tahan sakit lain seperti NSAID (contoh *ibuprofen*), *aspirin* atau penghalang COX2 (contoh *valdecoxib*, *paracoxib*, *etoricoxib*).

Setengah NSAIDs boleh mengganggu ujian fungsi tiroid dengan menurunkan kepekatan hormon tiroid serum.

Cara Menggunakan PHARMANIAGA MEFENAMIC

-Berapa banyak harus digunakan

Hanya mengambil ubat ini seperti mana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label ubat dengan teliti. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

PHARMANIAGA MEFENAMIC ACID harus ditelan dengan air selepas makan. Jangan kunyah atau pecahkan tablet atau kapsul ini

Dewasa:

500mg pada mulanya, diikuti dengan 250mg setiap 6 jam jika diperlukan dan seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi. Ia adalah disyorkan bahawa PHARMANIAGA MEFENAMIC digunakan tidak lebih dari 7 hari pada satu masa.

Orang tua:

Digunakan dengan berhati-hati di kalangan pesakit tua yang mengalami dehidrasi, masalah jantung atau kegagalan buah pinggang.

Kanak-kanak:

PHARMANIAGA MEFENAMIC tidak disyorkan untuk kegunaan kanak-kanak.

-Bila perlu digunakan

PHARMANIAGA MEFENAMIC perlu diambil dengan makanan atau selepas makan. Ambil dos seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah disyorkan bahawa PHARMANIAGA MEFENAMIC digunakan tidak lebih dari 7 hari pada satu masa. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan kebarangkalian kejadian kesan sampingan yang tidak diingini.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat dengan segera jika anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Bawa bekas ubat dan baki ubat bersama.

Jika anda (atau orang lain) mengambil terlalu banyak tablet atau kapsul ini, anda mungkin mengalami sakit kepala, rasa loya, muntah-muntah, sakit di bahagian perut, darah di dalam najis atau muntah-muntah, cirit-birit, kekeliruan, perangsangan, koma, mengantuk, pening, nada dalam telinga, pengsan, dan kadang-kadang sawan. Dalam kes-kes keracunan yang ketara, kegagalan buah pinggang akut dan kerosakan hati mungkin berlaku.

Semasa Menggunakan PHARMANIAGA MEFENAMIC

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil tablet atau kapsul seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda melihat sebarang tanda-tanda yang luar biasa seperti darah di dalam air kencing atau najis atau apa-apa kesan sampingan lain terutamanya jika gejala-gejala ini berlaku semasa peringkat awal rawatan anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan PHARMANIAGA MEFENAMIC.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan melebihi dos atau tempoh rawatan yang disyorkan.

Jangan kongsi ubat ubat ini dengan orang lain walaupun symptom atau keadaan meraka diagak sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian *Hamil dan Menyusukan Bayi*

Mendapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil apa-apa ubat.

PHARMANIAGA MEFENAMIC boleh membuat anda sukar untuk hamil. Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda sedang merancang untuk hamil atau jika anda mempunyai masalah untuk hamil.

PHARMANIAGA MEFENAMIC tidak boleh diambil semasa hamil terutama sekali jika anda berada dalam tempoh tiga bulan terakhir kehamilan atau jika anda menyusukan bayi.

PHARMANIAGA MEFENAMIC TABLET / CAPSULE

Mefenamic Acid (250mg,500mg)

Memandu dan mengendalikan mesin
Ubat NSAID kadang-kadang boleh menyebabkan gejala seperti mengantuk, pening, lemah dan gangguan visual. Jika anda mendapati mana-mana gejala-gejala seperti ini, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Pemeriksaan Badan

Semasa menjalani pemeriksaan badan, beritahu doktor bahawa anda mengambil PHARMANIAGA MEFENAMIC kerana ubat ini mengurangkan tanda-tanda demam dan keradangan yang sebaliknya akan diperasan.

PHARMANIAGA MEFENAMIC boleh dikaitkan dengan peningkatan risiko kecil serangan jantung ("*myocardial infarction*") atau strok. Risiko akan bertambah dengan dos yang lebih tinggi dan rawatan yang berpanjangan.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan lain, PHARMANIAGA MEFENAMIC boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya.

Jika anda menghadapi mana-mana keadaan berikut semasa menguna ubat ini, sila jumpa dengan doktor dengan segera

- Gangguan gastrousus termasuk cirit-birit, loya, muntah dan sakit perut.
- Ulser peptik (luka di bahagian perut atau bahagian atas usus kecil).
- Pendarahan gastrousus.
- Sakit kepala
- Mengantuk
- Pening
- Kebimbangan
- Gangguan visual
- Tindak balas hipersensitiviti termasuk ruam kulit, gatal-gatal,

asma dan *glomerulonephritis* alergi (keradangan glomeruli, saluran darah kecil di buah pinggang yang membantu menapis darah anda dan mengeluarkan cecair berlebihan)

- Anemia hemolitik (pengurangan sel darah merah dikira akibat pecahan sel darah merah yang tidak normal)
- *Agranulocytosis* (pengurangan kiraan sel darah putih)
- *Pancytopenia* (pengurangan sel darah merah putih dan kiraan platelet)
- Aplasia sumsum tulang (kerosakan sum-sum tulang yang mengurangkan atau menghentikan pengeluaran sel-sel darah)
- Kegagalan buah pinggang

Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan PHARMANIAGA MEFENAMIC

-Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan dibawah 25°C di tempat yang kering. Lindungi dari cahaya. Pastikan botol ditutup rapat.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterakan pada label/ kotak/ botol. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Pharmaniaga Mefenamic Tablet 250mg:

Tablet kuning, bulat, dwicembung disaluti filem dengan garisan belahan pada satu sisi dan rata pada sisi sebelah lagi.

Pharmaniaga Mefenamic Tablet 500mg:

Tablet kuning, bujur, disaluti filem dengan ikon Pharmaniaga pada satu sisi dan garisan skor pada sisi sebelah lagi.

Pharmaniaga Mefenamic Capsule 250mg:

Ivory legap/biru cair, saiz 1, kapsul gelatin keras dengan ikon Pharmaniaga dan tanda '250'.

-Bahan-bahan kandungan

Pharmaniaga Mefenamic Tablet 250mg:

- Bahan aktif:
Mefenamic acid 250mg

- Bahan tidak aktif:
Colloidal Silicon Dioxide, Polyethylene Glycol, Cornstarch, Croscarmellose, Sodium Lauryl Sulphate, Isopropyl Alcohol, Magnesium Stearate, Purified Water, Povidone, Methocel, FDC Yellow, Titanium Dioxide, Lactose, Talc.

Pharmaniaga Mefenamic Tablet 500mg:

- Bahan aktif:
Mefenamic acid 500mg

PHARMANIAGA MEFENAMIC TABLET / CAPSULE

Mefenamic Acid (250mg,500mg)

- Bahan tidak aktif:

Talcum, Colloidal Silicon Dioxide,
Croscarmellose Sodium, Povidone,
Polyethylene Glycol, Lactose
Monohydrate, Cornstarch, Quinoline
Yellow Lake, Lake Sunset Yellow,
Purified Water, Methocel, Titanium
Dioxide, Sodium Lauryl Sulphate,
Isopropyl Alcohol, Magnesium
Stearate.

Pharmaniaga Mefenamic Capsule
250mg:

- Bahan aktif:

Mefenamic acid 250mg

- Bahan tidak aktif:

Purified Water, Magnesium Stearate,
Sodium Lauryl Sulphate, Lactose
Monohydrate, Povidone.

-Nombor MAL

Pharmaniaga Mefenamic Tablet
250mg:

MAL19913242AZ

Pharmaniaga Mefenamic Tablet
500mg:

MAL19913243AZ

Pharmaniaga Mefenamic Capsule
250mg:

MAL20000213AZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(60016-D),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan
Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

14/12/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)071217/00347